

No. Rujukan : UTeM.02.12.04/100-3/14 (24)



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 10 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Pendaftar

4 JUN 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

PEKELILING AKADEMIK BIL. 9/2020

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA Melaka

1.0 TUJUAN

Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berikutan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang diumumkan oleh kerajaan sehingga 9 Jun 2020 dan arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang tidak menggalakkan kuliah diadakan secara Face to Face (F2F) sehingga Disember 2020. UTeM telah menyediakan platform PdP secara dalam talian bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan mengikuti/menyambung pengajian pada Semester II Sesi 2019/2020 yang dimulakan pada 4 Mei 2020.
- 2.2 Selanjutnya Pekeliling Akademik Bil.5/2020 menyatakan bahawa **Peperiksaan Akhir Semester II Sesi 2019/2020 akan berlangsung pada 6 hingga 19 Julai 2020 secara dalam talian**. Oleh yang demikian satu Garis Panduan perlu disediakan bagi memastikan Peperiksaan Akhir tersebut dapat dilaksanakan dengan baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- 2.3 Garis Panduan ini telah mengambil kira proses ISO sedia ada yang bersesuaian untuk dilaksanakan secara dalam talian. Garis panduan ini

akan menjadi satu proses baharu kepada proses pelaksanaan Peperiksaan Akhir Semester sedia ada.

- 2.4 Garis Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah mendapat kelulusan Mesyuarat Senat Khas Bil. 2/2020 yang bersidang pada 20 Mei 2020.
- 2.5 Perincian pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka seperti di **LAMPIRAN 1.**

3.0 TARIKH KUAT KUASA

Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah berkuat kuasa mulai **20 Mei 2020.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

